

Pelajar TESL anjur Kem Bahasa Inggeris

UB 22.11.2018 B2
PELAJAR Tahun 4 Sarjana Muda Pendidikan (TESL) menganjurkan Program Kem Bahasa Inggeris 2018 (English Camp 2018) untuk pelajar sekolah menengah bertempat di Blok Pendidikan, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Program ini adalah penerusan fasa ke-2 bagi program sebelumnya yang dilaksanakan pada 3 dan 4 November 2018 bagi pelajar sekolah rendah.

Pengendalian program kem bahasa Inggeris terbuka bagi sekolah menengah ini diadakan pada 10 dan 11 November 2018, iaitu seminggu selepas program fasa pertama dilaksanakan.

Program ini menyediakan pelbagai aktiviti untuk para pelajar sekolah menengah yang berbeza daripada sekolah rendah dari segi cara aktiviti dikendalikan dan juga bahan-bahan yang digunakan.

Aktiviti-aktiviti berkenaan adalah *writing workshop*, *grammar workshop*, *vocabulary workshop*, *Ice Breaking*, malam kebudayaan, perkhemahan, aktiviti bahasa bertemakan penggunaan robot dan perkongsian tip-tip PT3 untuk

persediaan pelajar.

Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan di mini auditorium yang terletak di blok pendidikan dan Bilik Seminar 5 (BS 5) yang terletak di blok psikologi.

Tetamu jemputan yang hadir pada sesi pendaftaran pelajar adalah beberapa orang guru pengiring dari 5 buah sekolah menengah iaitu SMK PekanTelipok, SMK Bandaraya, SMK Inanam, SMK Kinarut dan SMK Badin.

Manakala sewaktu penutupan majlis, ketua program HT06, Datin Nik

Zaitunbinti Nik Mohamed dan beberapa pensyarah program HT06 iaitu Dr Suyansyah Swanto, Madam Amali A. Khair, Dr. Asmaa Al-Saqqaf, sebilangan ibubapa dan juga beberapa guru pengiring turut menghadiri upacara penutupan program itu.

Program kem Bahasa Inggeris ini diadakan dengan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar pendidikan TESL dalam perbezaan antara pengurusan pelajar sekolah menengah dan juga sekolah rendah dari segi mempraktikkan teori-teori

pedagogi dan teknik-teknik mengajar dalam pengajaran Bahasa Inggeris.

Selain itu, aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti yang sejajar dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KSSM) serta Common European Research Framework (CEFR) yang merupakan dasar kementerian pendidikan dalam pengajaran Bahasa Inggeris di kalangan murid sekolah menengah.

Hal ini bukan sahaja dapat membantu pelajar yang mengikuti program ini, ia juga turut memberikan pendedahan

pengajaran yang terbaik kepada pelajar Tahun 4 TESL yang bakal menempuhi latihan mengajar pada semester hadapan.

Mengikut ulasan daripada Ketua Program HT06, Datin Nik Zaitun, fasa ke-2 program ini membolehkan pelajar pendidikan TESL untuk memperbaharui dan memperbaiki beberapa kekurangan serta kesilapan dari segi pengurusan dan teknik mengajar yang berlaku ketika mengendali program untuk sekolah rendah.

Beliau juga menerangkan bahawa program ini mampu membantu para pelajar sekolah menengah untuk melatih kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris melalui interaksi dengan fasilitator dan rakan aktiviti masing-masing.

Program Kem Bahasa Inggeris ini telah disertai oleh 32 orang pelajar dari lima buah sekolah menengah sekitar kawasan Kota Kinabalu.

Program yang bertemakan perkhemahan ini memberi pengalaman kepada pelajar untuk berkhemah sambil

belajar untuk memupuk semangat perpaduan antara pelajar ketika bekerjasama melaksanakan aktiviti. Untuk penyelesaian pelajar sebanyak 13 buah khemah digunakan, 10 dari Gym FPP dan 3 dari pejabat FPP.

Ketika persembahan malam kebudayaan, terdapat sedikit perbezaan dalam pengendalian aktiviti, iaitu pelajar dalam kumpulan mencari idea dan mempersembahkan persembahan dan lakonan mereka yang kreatif dan inovatif seperti menari, menyanyi dan lakonan.

Selain daripada itu, robot yang digunakan ketika sesi bersama pelajar sekolah rendah digunakan semula dan dikendalikan oleh ahli-ahli persatuan robotik FPP. AJK aktiviti turut berkongsi tip-tip pembelajaran yang berkesan untuk persediaan PT3 untuk para pelajar. Ulasan terakhir daripada Datin Nik ialah perilaku pelajar yang patut diberi penghargaan kerana berkelakuan baik dan berdisiplin sepanjang program berlangsung.



PESERTA bersama jemputan-jemputan VIP dan fasilitator program.